

# KAEDAH MNEMONIK AKRONIM DALAM MATA PELAJARAN REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI DI SEKOLAH RENDAH AGAMA BERSEPADU MERSING

<sup>1</sup>Umi Fairus Bt Mohd Jamil & <sup>2</sup>Fazlinda Bt Ab Halim

<sup>1&2</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM

\*Correspondence: [umiazmaira80@gmail.com](mailto:umiazmaira80@gmail.com), [fazlin@uthm.edu.my](mailto:fazlin@uthm.edu.my)

## Abstrak

*Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau sejauh mana penggunaan kaedah mnemonik akronim dapat menarik minat dan meningkatkan daya ingatan murid-murid terhadap topik yang dipelajari dalam mata pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi di Sekolah Rendah Agama Bersepadu Mersing. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan di mana sampel kajian terdiri daripada 86 orang responden berbeza jantina dari tiga peringkat usia iaitu 10, 11 dan 12 tahun. Instrumen kajian merupakan borang soal selidik yang mengandungi 22 item. Perisian Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) versi 22.0 digunakan untuk menjalankan analisis statistik. Data analisis meliputi skor min dan peratusan. Hasil kajian mendapati tahap minat murid dalam mata pelajaran reka bentuk dan teknologi melalui penggunaan kaedah mnemonik akronim adalah tinggi. Manakala, tahap daya ingatan murid juga berada pada tahap tinggi menerusi penggunaan kaedah mnemonik akronim. Ini menunjukkan bahawa kaedah ini sesuai dipraktikkan di kalangan murid-murid sekolah rendah khususnya, kerana ia bukan sahaja mampu menarik minat belajar malahan dapat meningkatkan daya ingatan murid-murid untuk menguasai sesuatu topik dengan lebih cepat.*

**Kata Kunci:** *kaedah mnemonik akronim*

## Abstract

*The purpose of this study was to investigate the extent to which the use of the acronym mnemonic method can attract and improve pupils' recollection of the subjects studied in Design and Technology subjects at Mersing Integrated Religious Primary School. This study uses survey method which the sample consists of 86 respondents from different sexes of three age groups; 10, 11 and 12 years. The research instrument includes a set of questionnaire containing 22 items. Statistical Package for The Social Sciences (SPSS) version 22.0 is used to perform statistical analysis. Analysis data includes mean score and percentage. The results showed that the level of students' interest in design and technology subjects through the use of the acronym mnemonic method was high. Meanwhile, the level of pupil's memory also at a high level through the use of an acronym mnemonic method. This suggests that, this method is practically practiced among primary school students, as it is not only able to attract learning but also to improve the memory of the students to master a topic more quickly.*

**Keyword:** *acronym mnemonic method*

## 1.0 PENGENALAN

Sukatan pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibentuk supaya setiap murid diberi pendidikan yang berkualiti. Di dalam KSSR, penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mula diperkenalkan bagi menjana pemikiran dan idea murid ke arah perkembangan sistem pendidikan yang berintelektual dan berdaya saing. Soalan-soalan yang dikemukakan tidak lagi tertumpu kepada satu fakta sahaja, malahan lebih mencapah bagi

memastikan murid-murid menggunakan daya ingatan mereka semaksima mungkin. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Saban hari murid-murid terdedah dengan pelbagai maklumat baru semasa menerima proses pengajaran dan pembelajaran. Ingatan murid-murid juga akan mudah mengalami proses lupa apabila terlalu banyak maklumat perlu disimpan di dalam ingatan mereka (Mahamod, 2013). Justeru, kaedah mnemonik akronim merupakan suatu kaedah alternatif bagi merangsang minat murid di samping menangani masalah mengingat fakta tertentu terutamanya melibatkan ingatan jangka masa panjang.

Pendedahan dan latihan yang kurang dalam mengasah minda murid-murid untuk menghurai dan membuat penjelasan terhadap sesuatu pengetahuan baharu yang mereka terima menyebabkan murid-murid mengambil masa yang agak lama untuk menyelesaikan sesuatu persoalan berbentuk huraian atau analisis. Kajian oleh Riner (2000) juga, membuktikan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid berprestasi rendah adalah mereka sukar untuk mengingat kembali maklumat yang penting. Bermula daripada permasalahan tersebut, banyak kajian telah dijalankan dari semasa ke semasa dengan menggunakan pendekatan, kaedah, teknik dan strategi yang pelbagai bagi tujuan meningkatkan kefahaman, penguasaan, ingatan dan pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran RBT. Secara kesimpulannya, kajian ini dijalankan bagi membantu murid-murid mengingat kembali fakta-fakta yang agak sukar untuk diingati semula khususnya pada mata pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi (RBT) dengan berbantuan kaedah akronim. Menurut Salleh (2012), Kemahiran mengingat ialah proses pembelajaran yang berkaitan dengan kefahaman dan penggunaan deria dengar dan deria lihat yang baik. Kemahiran mengingat juga ialah proses mengingat kembali dengan menyebut atau menulis fakta dan kejadian yang telah berlaku selepas beberapa jam.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengkaji sejauh mana kaedah mnemonik boleh menarik minat dan meningkatkan daya ingatan dalam mata pelajaran RBT.

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti tahap minat murid-murid terhadap penggunaan kaedah mnemonik (akronim) dalam mata pelajaran RBT.
- ii. Mengenal pasti tahap daya ingatan murid-murid melalui kaedah mnemonik (akronim) dalam mata pelajaran RBT.

## **2.0 SOROTAN KAJIAN**

Rouyan (2004) berpendapat bahawa kaedah mnemonik merupakan salah satu strategi kognitif yang tidak mendapat pendedahan secara meluas di sekolah pada masa kini ekoran penggunaan *Information And Communication Technology* (ICT) yang lebih tinggi diberi perhatian. Kaedah mnemonik membantu murid dalam mengukuhkan ingatan. Pernyataan ini adalah selari dengan kajian Amiryousefi dan Ketabi (2011), yang menyatakan bahawa kaedah mnemonik boleh membantu murid-murid daripada pelbagai peringkat sama ada pra sekolah, sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi untuk lebih cepat mengingat semua maklumat yang sering digunakan atau diperlukan segera.

Kemahiran mengingat merupakan salah satu aspek kemahiran belajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelajar belajar dengan berbagai cara dengan melihat dan mendengar, merefleksi dan berfikir secara logik serta menghafal, mengingat dan menggambarkannya (Abu *et al.*, 2007). Menurut Razali (2009), pelajar sekolah rendah kurang menguasai teknik dan kemahiran belajar. Terdapat juga pelajar yang membuat kerja sekolah dan latihan yang diberikan oleh guru dengan bersungguh-sungguh, malangnya hasilnya tidak seberapa..

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang berbentuk kuantitatif. Antara aspek yang dikaji ialah minat dan daya ingatan murid-murid tahun empat, lima dan enam terhadap penggunaan kaedah mnemonik akronim dalam mata pelajaran RBT. Lokasi yang telah dipilih adalah Sekolah Rendah Agama Bersepadu, Daerah Mersing. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada 110 orang murid manakala sampel kajian seramai 86 orang murid di mana mereka terdiri daripada pelajar-pelajar, tahun empat, lima dan enam. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah.

Melalui persampelan yang berkesan, maklumat yang didapati boleh digunakan untuk membuat inferens kepada populasi yang dikaji (Konting, 2000). Penggunaan soal selidik dalam kajian dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap ransangan soalan yang diberi (Konting, 2000). Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Penggunaan soal selidik dalam kajian ini dapat menilai mnemonik akronim pelajar yang dihasilkan dalam membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar.

Jadual 1 : Contoh konstruk –konstruk soal selidik

Nama bahagian	Item konstruk
A	Demografi (latar belakang murid).
B	Minat murid terhadap kaedah mnemonik akronim
C	Daya ingatan murid menggunakan kaedah akronim

### 4.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini merupakan penganalisan terhadap demografi responden yang terlibat menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbentuk mnemonik akronim dalam mata pelajaran kajian. Data-data ini dianalisis bagi tujuan data sokongan kepada dapatan kajian ini.

#### 4.1 Jantina

Jadual 2 merupakan hasil kajian yang menunjukkan responden mengikut jantina. Berdasarkan dapatan, jumlah sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 86 orang murid. Analisis daripada Jadual 2 juga menunjukkan jantina responden perempuan melebihi lelaki. Hal ini kerana jumlah keseluruhan populasi mengikut tahun bagi sesi 2016/2017 menunjukkan 48% lelaki dan 52% adalah perempuan daripada 120 murid. Sampel yang diambil dalam kajian ini sebanyak 86 responden dan 46.5% (40 orang) responden lelaki manakala 53.5 (46 orang) responden adalah perempuan.

Jadual 2 : Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan	Peratusan sah
LELAKI	40	46.5	46.5
PEREMPUAN	46	53.5	53.5
Jumlah	86	100.0	100.0

#### 4.2 Analisis Bahagian B : Minat

Bahagian ini merupakan penganalisan terhadap minat responden yang terlibat menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbentuk mnemonik akronim dalam mata pelajaran kajian

#### 4.2.1 Analisis Tahap Minat Murid Terhadap Penggunaan Kaedah Mnemonik Akronim Sebagai Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Mata Pelajaran RBT.

Dalam bahagian ini, pengkaji telah mengutarakan 10 pernyataan kepada responden berkenaan tahap minat murid melalui penggunaan kaedah mnemonik akronim dalam mata pelajaran RBT sebagai suatu strategi baru dalam pengajaran dan pembelajaran bagi topik pertanian. Jadual 4.7 menunjukkan keputusan analisis tentang minat murid terhadap penggunaan kaedah mnemonik akronim sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran RBT.

Dapatan kajian keseluruhan menunjukkan responden bersetuju bahawa penggunaan kaedah mnemonik akronim mampu menarik minat mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru dalam mata pelajaran RBT. Daripada dapatan juga didapati skor min paling rendah adalah pada item A6 iaitu sebanyak 4.47 nilai skor min. Ini menunjukkan bahawa terdapat segelintir murid-murid masih memerlukan kaedah yang lebih pelbagai lagi bagi membolehkan murid-murid menjawab soalan dengan cepat. Pengkaji perlu memperluaskan kaedah mnemonik dengan cara yang lebih menarik agar murid-murid dapat menguasai topik dengan lebih cepat.

Jadual 4.2: Peratusan Dan Skor Min Tahap Minat Murid Dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Melalui Penggunaan Kaedah Mnemonik Akronim.

BIL	ITEM	Skala					Skor Min	Tahap
		1	2	3	4	5		
A1	Menjadikan saya lebih berminat untuk belajar.	-	-	-	17 (19.8%)	69 (80.2%)	4.8	Tinggi
A2	Membantu memudahkan hafalan saya.	-	-	1 (1.2%)	30 (34.9%)	55 (64%)	4.63	Tinggi
A3	Dapat menambahkan rasa seronok untuk belajar.	-	-	1 (1.2%)	30 (34.9%)	55 (64%)	4.63	Tinggi
A4	Dapat menambahkan idea saya untuk membina nota hafalan dengan lebih baik.	-	-	2 (2.3%)	35 (40.7%)	49 (57%)	4.55	Tinggi
A5	Mudah untuk digunakan kerana ia lebih ringkas dan senang diingat.	-	-	3 (3.5%)	35 (40.7%)	48 (55.8%)	4.52	Tinggi
A6	Dapat membantu saya menjawab soalan dengan lebih cepat.	-	-	4 (4.7%)	38 (44.2%)	44 (51.2%)	4.47	Tinggi
A7	Menjadikan saya berasa lebih bersemangat untuk belajar.	-	-	3 (3.5%)	34 (39.5%)	49 (57%)	4.53	Tinggi
A8	Merupakan kaedah belajar yang menarik untuk dipelajari.	-	-	3 (3.5%)	29 (33.7%)	54 (62.8%)	4.59	Tinggi
A9	Dapat menambahkan keyakinan saya untuk menjawab soalan dengan lebih baik.	-	-	4 (4.7%)	30 (34.9%)	52 (60.%)	4.56	Tinggi
A10	Dapat membantu saya mencari idea-idea baru bagi membuat nota saya sendiri.	-	-	1 (1.2%)	32 (37.2%)	53 (61.6%)	4.6	Tinggi

### 4.3 Analisis Bahagian C : Daya Ingatan

Bahagian ini merupakan penganalisan terhadap daya ingatan responden yang terlibat setelah menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbentuk mnemonik akronim dalam mata pelajaran kajian. Data-data ini dianalisis bagi tujuan data sokongan kepada dapatan kajian ini.

#### 4.3.1 Analisis Tahap Daya Ingatan Murid Terhadap Penggunaan Kaedah Mnemonik Akronim Sebagai Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Mata Pelajaran RBT.

Daripada dapatan tersebut, pengkaji dapat menyenaraikan item B1, B2, B3 dan B8 sebagai nilai skala tertinggi dengan masing-masing melebihi 4.6 nilai skor min. Item B1 mendapat keputusan paling tinggi dengan nilai skor min tertinggi iaitu 4.8, menyamai skor tertinggi pernyataan bahagian A. Pada aras soalan ini, responden secara jelas menyatakan persetujuan masing-masing dengan jumlah mnemonik memberikan jawapan pada skala 4 dan 5 pada item B1. Seterusnya pada item B3 dengan skor 4.65 dan seterusnya B2 mencapai skor min 4.64 di mana penggunaan kaedah mnemonik akronim mampu membantu meningkatkan daya ingatan murid-murid. Pada item B1, B5 dan B7, keseluruhan murid memilih skala jawapan 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju) tanpa sebarang jawapan tidak pasti untuk mengukuhkan lagi dapatan bahawa penggunaan kaedah mnemonik akronim mampu mendorong ingatan murid-murid untuk menguasai topik dalam mata pelajaran RBT dengan lebih baik berbanding kaedah bacaan lazim. Walaubagaimanapun, item B6 menunjukkan nilai skor paling rendah iaitu 4.49 di mana sebilangan kecil murid-murid masih tidak pasti bahawa kaedah ini dapat membantu murid-murid menjawab soalan dengan lebih cepat.

Jadual 4.3: Peratusan Dan Skor Min Tahap Daya Ingatan Murid Dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Melalui Penggunaan Kaedah Mnemonik Akronim.

BI L	ITEM	Skala					Skor Min	Tahap
		1	2	3	4	5		
B1	Dapat membantu saya mengingat banyak fakta penting dalam mata pelajaran RBT.	-	-	-	17 (19.8%)	69 (80.2%)	4.8	Tinggi
B2	Menjadikan saya lebih cepat menguasai topik-topik dalam mata pelajaran RBT.	-	-	1 (1.2%)	29 (33.7%)	56 (65.1%)	4.64	Tinggi
B3	Menjadikan saya lebih bersemangat untuk mengulangkaji pelajaran .	-	-	1 (1.2%)	30 (34.9%)	56 (64%)	4.65	Tinggi
B4	Menjadikan saya seorang yang lebih rajin dan berkeyakinan untuk menjawab pelbagai soalan yang diberikan guru.	-	-	2 (3.5%)	33 (40.7%)	51 (55.8%)	4.57	Tinggi
B5	Mampu menjadikan saya berfikir dengan lebih kreatif.	-	-	-	36 (41.9%)	50 (58.1%)	4.58	Tinggi
B6	Membantu saya untuk lebih cepat mengingat topik yang dipelajari.	-	-	4 (4.7%)	36 (41.9%)	46 (53.5%)	4.49	Tinggi
B7	Membantu saya untuk menghafal isi pelajaran dengan lebih mudah.	-	-	-	37 (43%)	49 (57%)	4.57	Tinggi
B8	Boleh saya gunakan sebagai rujukan untuk tajuk-tajuk yang lain.	-	-	1 (1.2%)	31 (36%)	54 (62.8%)	4.62	Tinggi
B9	Dapat membantu saya menjawab soalan dan latihan yang diberikan dengan lebih mudah.	-	-	4 (4.7%)	30 (34.9%)	52 (60.%)	4.56	Tinggi

B1 0	Membantu saya membina nota kendiri berdasarkan idea sendiri.	-	-	1 (1.2%)	32 (37.2%)	53 (61.6%)	4.6	Tinggi
---------	---	---	---	-------------	---------------	---------------	-----	--------

#### 4.4 Analisis Bahagian D : Hubungan antara Minat dengan Daya Ingatan

Bahagian ini merupakan penganalisan terhadap hubungan minat dengan daya ingatan responden yang terlibat setelah menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbentuk mnemonik akronim dalam mata pelajaran kajian. Pengkaji menggunakan Korelasi Pearson untuk menganalisa data kajian ini. Jadual 4.4 menunjukkan keputusan Ujian Kolerasi Pearson untuk menentukan hubungan antara tahap minat dan tahap daya ingatan murid melalui penggunaan kaedah mnemonik akronim. Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang positif yang sangat tinggi antara minat dengan pengetahuan. Oleh kerana nilai  $r = 0.900$ , nilai tersebut menunjukkan satu hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah tersebut dengan nilai signifikannya ialah 0.00 iaitu lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p = 0.01$ . Kajian menunjukkan wujudnya perkaitan yang kuat dan positif antara minat dan daya ingatan murid melalui penggunaan mnemonik akronim.

Jadual 4.3 : Nilai Korelasi Bagi Minat Dan Ingatan

		MINAT	INGATAN
MINAT	Pearson Correlation	1	.900**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	86	86
INGATAN	Pearson Correlation	.900**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	86	86

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

## 5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan melihat sejauh mana penggunaan kaedah mnemonik akronim mampu meningkatkan minat belajar dan membantu mempercepatkan proses daya ingatan di kalangan murid-murid sekolah rendah berbanding penggunaan secara konvensional iaitu bacaan atau hafalan. Kajian ini juga ingin menilai tahap korelasi antara minat dengan daya ingatan melalui penggunaan kaedah mnemonik akronim.

### 5.1 Tahap minat murid terhadap pembelajaran melalui penggunaan mnemonik akronim.

Hasil kajian mendapati tahap minat murid melalui penggunaan kaedah mnemonik akronim adalah berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan responden menyatakan minat yang tinggi terhadap penggunaan kaedah ini di mana ia lebih mudah untuk dipraktikkan, mendatangkan keseronokan dan menarik minat belajar dalam diri murid-murid. Kaedah mnemonik akronim dikenalpasti mampu mendorong murid menjawab soalan dengan pantas tetapi memerlukan kecenderungan menjelmakan idea secara kreatif dan kritis kerana pertukaran topik baharu yang agak sukar boleh mengubah tumpuan minat murid. Selain itu, penggunaan teknologi baru yang lebih moden meminggirkan sedikit kaedah ini. Sebagaimana pendapat yang dinyatakan oleh Rouyan (2004) bahawa kaedah mnemonik merupakan salah satu strategi kognitif namun ianya tidak didedahkan secara meluas di sekolah pada masa kini ekoran penggunaan teknologi ICT yang lebih tinggi. Namun begitu, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Sharipudin (2009), murid-murid telah menunjukkan perkembangan positif daripada segi penguasaan terhadap tiga belas Rukun Solat menggunakan kaedah mnemonik berbantu multimedia. Oleh itu guru perlu kreatif dalam mengolah kaedah

mnemonik kepada unsur multimedia yang lebih menarik bagi meningkatkan minat di kalangan murid-murid.

Tahap minat yang ditunjukkan oleh pelajar ini sejajar dengan dapatan Awang (2013), yang membuktikan gabungan pelbagai media yang memanfaatkan penglihatan dan pendengaran mampu menarik minat pelajar dan dapat memberikan perhatian kepada pembelajaran.. Ia juga merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri. Minat boleh menjadi punca kepada sesuatu kegiatan itu sendiri. Arah pemikiran dipengaruhi oleh pengalaman deria kesedaran pengamatan untuk membolehkan perubahan perhubungan diantara idea dengan proses pemikiran. Oleh yang demikian, pelajar yang mempunyai minat yang maksimum serta sikap berdisiplin akan lebih bersemangat dan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh

## **5.2 Tahap daya ingatan murid melalui penggunaan kaedah mnemonik akronim.**

Hasil kajian mendapati tahap daya ingatan murid melalui penggunaan kaedah mnemonik akronim adalah berada pada tahap tinggi. Keseluruhan responden menunjukkan tahap penghasilan kesan daya ingatan yang tinggi melalui penggunaan kaedah ini di mana ia ternyata memberi kesan yang positif terhadap responden apabila kaedah tersebut mampu meningkatkan penguasaan sesuatu topik yang dipelajari, mempercepatkan hafalan dan meningkatkan kemahiran berfikir. Sebagaimana yang diutarakan oleh Hassan, Sulaiman dan Abidin (2009), pembelajaran akan lebih diminati sekiranya murid-murid didedahkan dengan kaedah yang sesuai dan praktikal. Kaedah mnemonik dicipta untuk menarik minat disamping meningkatkan kemahiran mengingat individu.

Menurut Norhayati (2003), pembelajaran yang aktif didapati dapat menimbulkan sifat ingin tahu dan suasana persaingan yang sihat sesama pelajar serta menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna. Guru juga perlu memainkan peranan yang amat penting dalam mengamalkan nilai sikap semasa proses pengajaran dan pembelajaran supaya dengan sikap yang baik dari pembelajaran akan mewujudkan banyak impak positif dalam kehidupan seharian dan lebih berkesan. Antara amalan sikap yang boleh diberi penekanan adalah nilai murni kerjasama, bertanggungjawab, berdisiplin, dan kreatif (Razak, 2014). Penerapan nilai murni seperti berhemah tinggi, rajin, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerjasama dan berdikari juga penting semasa menjalani proses pengajaran dan pembelajaran amali di makmal (Ghafar, 2004).

## **6.0 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan penggunaan kaedah mnemonik akronim dalam pengajaran dan pembelajaran RBT merupakan suatu kaedah belajar yang sesuai diguna pakai walaupun era teknologi ICT berlegar sekeliling murid-murid. Cadangan kaedah pembinaan akronim secara lebih kreatif melalui penggunaan media juga boleh dipertingkatkan selaras dengan era ledakan teknologi terkini. Implikasi penggunaan kaedah mnemonik akronim dilihat memberi ruang positif di kalangan murid-murid antaranya: akan terdapat lebih banyak kemahiran berfikir dapat dijana melalui pembinaan akronim secara kreatif oleh murid-murid., penguasaan topik pelajaran yang lebih cepat dan mudah selain dapat mewujudkan suasana belajar yang lebih santai dan seronok. Secara tidak langsung ia juga dapat menghidupkan suasana belajar yang lebih aktif dan berdaya saing.

Maka dengan ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa minat dan daya ingatan murid-murid setelah menggunakan kaedah mnemonik akronim berada pada tahap yang tinggi. Ini bermakna, murid-murid boleh menerima kaedah tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran samaada di bilik darjah mahupun luar bilik darjah. Dengan sokongan dan panduan daripada guru, murid-murid bukan sahaja boleh membina sendiri akronim secara kreatif malahan mampu berkongsi ilmu bersama rakan-rakan sebagai suatu perkongsian aktif yang

mendatangkan kesan positif pada diri murid-murid sendiri. Secara tidak langsung, murid-murid tidak lagi terikat dengan kaedah membaca dan menghafal secara konvensional sebaliknya mampu mempelbagaikan kaedah kepada suatu pendekatan yang lebih kreatif dan kritis.

## 7.0 RUJUKAN

- Abu, B., Johan, O. M., Mansor, P. S. M. S. S., & Jaafar, H. (2007). Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, UTM Johor. *No. Vot Penyelidikan*, 71881.
- Ahmad, A. R., & Awang, M. M. (2016). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Kssr) Mata Pelajaran Sejarah: Perlaksanaan Cabaran. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 1, pp. 435-445).
- Amiryousefi, M., & Ketabi, S. (2011). Mnemonic instruction: A way to boost vocabulary learning and recall. *Journal of Language Teaching and Research*, 2(1), 178-182.
- Awang, Z. (2013). *Meningkatkan Keupayaan Mengingat Fakta Untuk menjawab Soalan Sejarah Menggunakan Mnemonik*. Kuala Terengganu
- Chua Y.P. (2006). *Kaedah penyelidikan-kaedah dan statistik penyelidikan buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Ghafar, M. N. A. (2004). *Dinamika sistem pendidikan tinggi*. Penerbit UTM.
- Hassan, A., Sulaiman, T., & Abiddin, N. Z. (2009). The requirement of grouping technique in English lesson in meeting the demand of philosophy of education in Malaysia. *The Journal of International Social Research*, 2(6), 294-306.
- Kamus Dewan. (2010). Edisi Keempat. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Konting, M. M. (2000). *Research Methods in Education*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahamod, Z. (2013). Kemahiran meta kognitif dan hubungannya dengan jantina, jenis sekolah dan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 23-32.
- Mok, S.S. (2002). *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman.
- Mok, S.S. (2008). *Psikologi Pendidikan Untuk Pengajaran & Pembelajaran*. Ipoh, Malaysia: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Nasrullah M.L dan Nurdiana. (2011). *Menambahbaik Penerangan Fakta Sains Bagi Mengukuhkan Ingatan Murid Dengan Kaedah Mnemonik*. Seminar Penyelidikan Tindakan: IPG, Kampus Sultan Abd Halim.
- Nor M.K. (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.
- Norman D. (1982). *Learning And Memory*. San Francisco: Freeman.
- Othman, N., & Mohamad, K. A. (2014). Thinking Skill Education and Transformational Progress in Malaysia. *International Education Studies*, 7(4), 27-32.
- Pa, M. N., Yusoff, M. S. B., Abdul Rahim, A. F., Baba, A. A., Ismail, S. B., & Esa, A. R. (2013). The impact of medical education on psychological health of students: A cohort study. *Psychology, health & medicine*, 18(4), 420-430.
- Preston, C. C., & Colman, A. M. (2000). Optimal number of response categories in rating scales: reliability, validity, discriminating power, and respondent preferences. *Acta psychologica*, 104(1), 1-15
- Razak, S. (2014). *Masalah Akademik Yang Dihadapi Pelajar-Pelajar Pendidikan Khas*: Solehahpend.Blogspot.



- Razali, M. F. (2009). *7 Masalah Pembelajaran Murid Peringkat Rendah: Sekalibicara*. Blogspot. "Tidak diterbitkan"
- Rothwell, W. J., & Kazanas, H. C. (2011). *Mastering the instructional design process: A systematic approach*. John Wiley & Sons.
- Rouyan, N. M. (2004). Strategi pembelajaran Bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab: Kajian di KUSZA. *Unpublished MA Dissertation, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Salleh M. R. (2012). Meningkatkan Kemahiran Mengingat Di Kalangan Murid Tahun 6. IPG: Kota Bharu.
- Scott G. Paris, Richard S. Neuman, & Kelly A.Mevey. (1982). *Learning The Functional Significance of Mnemonic Actions:A Migrogenetic Study Of Strategy Acquisition*.
- Sharipudin, A.S. (2012). *Pendekatan Bimbingan Rukun Solat Menggunakan Kaedah Mnemonik*. IPG: Kampus Batu Lintang. "Tidak diterbitkan"
- Talib, R. & Ghafar, M. N. A. (2008). Pembinaan dan Pengesahan Instrumen bagi Mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Menengah di Malaysia. In *Kertas Kerja Dalam: Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah* (pp. 25-27).
- Vellan, C. E. R, & Tasir, Z. (2012). *Students Perception Towards Meaningful Learning through E-learning And Social Networking Sites As medium Of Teaching And Learning* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).